

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA)

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
DI ALOR SETAR
DI NEGERI KEDAH MALAYSIA
TUNTUTAN NO. : TTPM-K-(B)-184-2024

ANTARA

AHMAD BIN HJ AWANG @ MAT LAZIM

Pihak Yang Menuntut

DAN

KLANG CAR TY (M) SDN BHD

Pihak Penentang

ALASAN PENGHAKIMAN

1. Jenis Tuntutan :

Merujuk kepada Borang 1, PYM menuntut sebanyak RM 13,982.00 daripada PP sebagai kos untuk penukaran enjin pada kenderaan SUV nombor pendaftaran BLV 2368 jenama Volvo model XC 60 T5 yang dibeli oleh isteri PYM daripada PP.

2. Dapatan Tribunal :

a) Ringkasan Fakta Utama

Isteri PYM telah membeli sebuah SUV nombor pendaftaran BLV 2368 jenama Volvo model XC 60 T5 daripada PP di Klang Selangor pada 17/12/2019 dengan harga RM 51,500.00 secara tunai. PP telah menghantar kenderaan tersebut untuk pemeriksaan PUSPAKOM di cawangan Padang Jawa, Klang Selangor pada 16/12/2019. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'LULUS'. No. enjin yang tercatat dalam sijil B5 tersebut adalah B4204T7A001360. Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ yang baru telah dikeluarkan atas nama isteri PYM, Noora'ini Binti Mohd Din yang dicatat sebagai pemunya berdaftar dan no. enjin yang sama B4204T7A001360 telah direkodkan dalam sijil pemilikan tersebut. Kenderaan tersebut telah di bawa pulang ke Kedah dan digunakan tanpa sebarang masalah.

Isteri PYM telah meninggal dunia pada 04/02/2021. Pada 16/08/2022. PYM telah mendapat Perintah Pembahagian Harta Pesaka Kecil terhadap keseluruhan harta pesaka simati termasuk kenderaan ini. Pada 10/11/2022 PYM telah membawa kenderaan ini ke PUSPAKOM cawangan Alor Setar untuk pemeriksaan bagi tujuan pendaftaran pindahmilik kepada PYM. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'GAGAL' kerana terdapat angka 6 dipangkah tanda 'X' dan diketuk angka 7 diatas no. enjin B4204T7A001360 tersebut. Menurut PYM kenderaan ini tidak pernah terlibat dalam kemalangan dari tarikh pembelian sehingga sekarang.

PYM memaklumkan kepada PP tentang kegagalan untuk pindahmilik kenderaan kepada PYM. PP memberitahu PYM bahawa PP tidak buat

apa-apa perubahan pada no. enjin sebelum kenderaan tersebut dijual dan diserahkan kepada isteri PYM.

b) Isu Berbangkit

- (i) Adakah PUSPAKOM akan mencatatkan keputusan 'LULUS' dalam sijil B5 sekiranya hasil pemeriksaan kenderaan mendapati terdapat gangguan pada no. enjin kenderaan tersebut?
- (ii) Mungkinkah berlaku kesilapan di pihak PUSPAKOM semasa melakukan pemeriksaan no. enjin kenderaan ini sebanyak 6 kali dan mengeluarkan keputusan sijil B5 'LULUS'?
- (iii) Bagaimana boleh berlaku perbezaan dalam keputusan sijil B5 setelah pemeriksaan dilakukan ke atas no. enjin kenderaan yang sama di dua cawangan PUSPAKOM yang berbeza?
- (iv) Bolehkah pindahmilik kenderaan dilakukan walaupun 'GAGAL' semasa pemeriksaan no. enjin oleh PUSPAKOM?
- (v) Adakah terdapat bukti dokumentar no. enjin kenderaan ini yang dirakam oleh Puspakom setiap kali pemeriksaan dibuat sebanyak 7 kali?
- (vi) Adakah PP bertanggungjawab membayar kepada PYM kos untuk penggantian enjin kenderaan tersebut sekiranya ada bukti menunjukkan PP mempunyai pengetahuan tentang gangguan pada no. enjin kenderaan tersebut?

c) Dapatan Keterangan Utama

PP membeli kenderaan ini secara lelongan awam pada 25/07/2019 daripada CIMB Islamic Bank Bhd. Kenderaan tersebut telah diperiksa oleh PUSPAKOM cawangan Padang Jawa, Klang Selangor pada 13/08/2019. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'LULUS'. No. enjin yang tercatat dalam sijil B5 tersebut adalah B4204T7A001360. Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ yang baru telah dikeluarkan atas nama PP sebagai pemunya berdaftar dan no. enjin yang sama B4204T7A001360 telah direkodkan dalam sijil pemilikan tersebut. PP memiliki kenderaan tersebut sehinggalah ianya dijual kepada isteri PYM pada 17/12/2019. Tempoh pemilikan kenderaan ini oleh PP adalah selama lebih kurang 4 bulan.

Setelah isteri PYM membayar deposit sebanyak RM 1,000.00 pada 16/12/2019 PP telah menghantar kenderaan tersebut untuk pemeriksaan PUSPAKOM di cawangan Padang Jawa, Klang Selangor pada hari yang sama. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'LULUS'. No. enjin yang tercatat dalam sijil B5 tersebut adalah B4204T7A001360. JPJ telah mengeluarkan Sijil Pemilikan Kenderaan yang baru atas nama isteri PYM, Noora'ini Binti Mohd Din yang dicatat sebagai pemunya berdaftar dan no. enjin yang sama B4204T7A001360 telah direkodkan dalam sijil pemilikan tersebut.

Setelah PYM mendapat Perintah Pembahagian Harta Pesaka Kecil, pada 10/11/2022 PYM telah membawa kenderaan ini ke PUSPAKOM cawangan Alor Setar untuk pemeriksaan bagi tujuan pendaftaran pindahmilik kepada PYM. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'GAGAL' kerana no. enjin B4204T7A001360 tersebut telah diganggu.

Menurut keterangan saksi dari Puspakom Alor Setar, semenjak kenderaan ini didaftarkan pada 05/05/2011, kenderaan ini telah dihantar ke PUSPAKOM sebanyak 7 kali untuk diperiksa bagi tujuan pindahmilik. Kenderaan ini telah lulus 6 kali pemeriksaan no. enjin B4204T7A001360 seperti yang direkodkan dalam Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ.

Pemeriksaan kali ke 7 dibuat oleh saksi sendiri ke atas kenderaan tersebut pada 10/11/2022 dan keputusan pemeriksaan tukar milik 'GAGAL' kerana terdapat angka 6 dipangkah tanda 'X' dan diketuk angka 7 diatas no. enjin B4204T7A001360 tersebut. Saksi telah mengemukakan salinan gambar no. enjin hasil pemeriksaan yang telah dilakukannya. Saksi tiada gambar no. enjin kenderaan ini sebelum beliau membuat pemeriksaan. PUSPAKOM hanya mempunyai gambar selepas tahun 2020 sahaja.

Menurut saksi lagi, kegagalan no. enjin boleh diselesaikan dengan cara :

- 1) tukar enjin baru,
- 2) volvo kemukakan rekod kesilapan no. enjin di kilang,
- 3) dapatkan pengesahan dari JPJ.

Saksi dari PUSPAKOM Padang Jawa mengesahkan kenderaan ini telah diperiksa pada 16/12/2019 untuk tujuan tukar hakmilik dan keputusan B5 'LULUS' dan no. enjin yang direkodkan adalah B4204T7A001360.

Saksi turut mengemukakan gambar kenderaan semasa dibawa ke PUSPAKOM pada tarikh tersebut. Malangnya gambar no. enjin kenderaan berkenaan tidak dapat dilihat dengan jelas

Menurut saksi lagi walaupun ada gangguan pada no. enjin, B5 boleh diluluskan sekiranya ada surat daripada JPJ yang membenarkannya iaitu 'surat pengesahan no, enjin dikekalkan'. Pemilik kenderaan boleh membawa B5 yang 'GAGAL' ke JPJ untuk tentukan no. enjin itu boleh dikekalkan atau tidak.

PP juga telah menerangkan kepada PYM untuk membuat pemeriksaan khas PUSPAKOM bagi mendapatkan Laporan B2 dan seterusnya mengemukakannya kepada JPJ untuk dibuat pembetulan no. enjin.

PYM telah membuat penukaran enjin dan menghantar kenderaan ini untuk pemeriksaan PUSPAKOM pada 03/07/2024. Keputusan Laporan Pemeriksaan Khas B2 bertarikh 03/07/2024 'LULUS' begitu juga dengan keputusan Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 juga 'LULUS'. No. enjin baru kenderaan ini adalah B4204T6-203362.

d) Perundangan Yang Berkaitan

- 1) Akta Perlindungan Pengguna 1999
- 2) Akta Keterangan 1950
- 3) Akta Kontrak 1950

e) Keputusan

PYM gagal membuktikan tuntutan terhadap PYM atas imbangan kebarangkalian.

f) Alasan

- (i) Kenderaan ini telah dibeli oleh PP secara lelongan awam daripada CIMB Islamic Bank Bhd. dan telah diperiksa oleh PUSPAKOM cawangan Padang Jawa, Klang Selangor pada 13/08/2019. Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'LULUS' dan no. enjin yang tercatat dalam sijil B5 tersebut adalah B4204T7A001360. Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ yang baru telah dikeluarkan atas nama PP sebagai pemunya berdaftar dan no. enjin yang sama B4204T7A001360 telah direkodkan dalam sijil pemilikan tersebut. Sekiranya terdapat gangguan pada no. enjin tersebut sudah pasti keputusan pemeriksaan tukar milik 'GAGAL' dan alasannya dicatatkan dalam B5.

- (ii) Kenderaan ini telah menjalani pemeriksaan untuk tukar milik di PUSPAKOM sebanyak 6 kali sebelum 10/11/2022 dan kesemua Keputusan B5 'LULUS'. Tiada isu tentang gangguan pada no. enjin kenderaan tersebut.
- (iii) Tempoh pemilikan kenderaan ini oleh PP adalah selama 4 bulan sebelum dijual kepada isteri PYM. Kenderaan ini dan telah diperiksa semula oleh PUSPAKOM cawangan Padang Jawa, Klang Selangor pada 16/12/2019 dan Sijil Pemeriksaan Tukar Milik B5 telah dikeluarkan di mana keputusan pemeriksaan tukar milik 'LULUS' dan no. enjin yang tercatat dalam sijil B5 tersebut adalah B4204T7A001360. Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ yang baru telah dikeluarkan atas nama isteri PYM sebagai pemunya berdaftar dan no. enjin yang sama B4204T7A001360 telah direkodkan dalam sijil pemilikan kenderaan tersebut.
- (iv) Sekiranya gangguan pada no. enjin ini telah dilakukan dalam tempoh kenderaan ini dimiliki oleh PP, sudah pasti keputusan pemeriksaan tukar milik PUSPAKOM pada 16/12/2019 akan 'GAGAL'.
- (v) No. enjin yang tercatat dalam sijil B5 bertarikh 16/12/2019 dan Sijil Pemilikan Kenderaan JPJ baru yang dikeluarkan atas nama isteri PYM adalah B4204T7A001360.
- (vi) Tiada keterangan menunjukkan yang PP mempunyai pengetahuan tentang gangguan pada no. enjin kenderaan ini.

- (vii) Tiada keterangan menunjukkan yang PP telah melakukan salah nyata/misrepresentation semasa proses jual beli kenderaan ini kepada isteri PYM.
- (viii) Keterangan oleh saksi-saksi dari PUSPAKOM dan PP sendiri menunjukkan ada cara yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu 'GAGAL' pemeriksaan no. enjin iaitu dengan menukar enjin baru, volvo kemukakan rekod kesilapan no. enjin di kilang dan mendapatkan pengesahan dari JPJ.
- (ix) PYM memaklumkan bahawa JPJ tidak mahu memberikan pengesahan tetapi gagal memanggil saksi dari JPJ untuk memberikan keterangan tentang alasan kenapa JPJ enggan mengeluarkan 'surat pengesahan no, enjin dikekalkan'.
- (x) Gambar no. enjin kenderaan berkenaan tidak dapat dilihat dengan jelas semasa dibawa ke PUSPAKOM pada tarikh 16/12/2019. PUSPAKOM hanya mempunyai gambar selepas tahun 2020 sahaja. Oleh yang demikian perbandingan no. enjin kenderaan ini sebelum dan selepas pemeriksaan pada 10/11/2022 tidak dapat dilakukan.
- (xi) PP tidak bertanggung membayar kepada PYM kos untuk penggantian enjin kenderaan tersebut kena PYM tidak dapat membuktikan PP mempunyai pengetahuan tentang gangguan pada no. enjin kenderaan tersebut atau gangguan pada no. enjin kenderaan tersebut berlaku semasa kenderaan tersebut di bawah milikan PP sendiri.

3. Award Borang 10

Tuntutan PYM ditolak kerana gagal membuktikan tuntutan terhadap PP atas imbangan kebarangkalian.

Bertarikh pada 04/12/2024.

Hairul Azam Hassan

.....
HAIRUL AZAM BIN HASSAN
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA